

16 AUG 1998

Tajol-Internet

POLIS KAJI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG UNTUK DAKWA TIGA PENYEBAR HASUTAN

GERIK, 16 Ogos (Bernama) -- Polis sedang mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada bagi mendakwa tiga orang yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana didakwa menyebarkan fitnah melalui Internet baru-baru ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata selain tindakan di bawah ISA, polis masih mengkaji beberapa peruntukan undang-undang lain bagi mendakwa mereka yang ditahan pada 8 Ogos lepas.

"Polis sedang meneliti Akta Hasutan dan beberapa peruntukan lain bagi melihat peruntukan yang terbaik untuk mendakwa mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus penerangan Rang Undang-Undang Keluarga Islam dan Akta Keganasan Rumahtangga di sini, hari ini.

Mereka kini ditahan mengikut ISA dan polis hanya akan menentukan tindakan selanjutnya selepas siasatan selesai kelak, katanya.

Menurutnya polis terpaksa bertindak pantas dan menggunakan ISA ke atas mereka bagi mengelak berlakunya kejadian tidak diinginkan seperti rakyat menyerbu kedai-kedai untuk membeli pelbagai barang keperluan harian yang seterusnya memungkinkan kenaikan harga barangan.

Ketika ditanya sama ada polis akan mengumumkan nama tahanan itu, Tajol Rosli berkata nama mereka tidak akan diumumkan kerana ia akan menyulitkan siasatan tetapi keluarga mereka sudah dimaklumkan mengenainya.

Beliau juga berkata Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah mengarahkan polis meningkatkan keupayaan anggotanya dalam teknologi maklumat (IT) sejajar perkembangan semasa teknologi itu.

Keupayaan peralatan komputer sedia ada mencukupi dan hanya memerlukan anggota yang berkemahiran tinggi dalam IT untuk menguasai teknologi itu bagi melicinkan tugas seharian terutama berkaitan jenayah komputer.

Mengenai pekerja asing, Tajol Rosli berkata Jabatan Imigresen masih memproses sebilangan permohonan permit kerja pendatang asing di negara ini dan sementara menunggu keputusan itu, mereka diberikan pas lawatan untuk tempoh sebulan.

Menurutnya kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja yang memohon bertukar ke sektor lain atau permohonan membabitkan pertukaran majikan.

"Jika permohonan mereka tidak diluluskan kelak, mereka terpaksa pulang ke negara asal masing-masing," katanya.

Rabu lepas, kerajaan membenarkan pekerja asing yang telah tamat tempoh permit kerja masing-masing tinggal di negara ini selama sebulan lagi bagi membolehkan mereka membuat persiapan balik ke negara asal termasuk tempahan tiket pesawat dan feri.

-- BERNAMA

LAT NAK